

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN
PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI (PT&K) BAGI SEKTOR SWASTA
DALAM PENCEGAHAN PENULARAN WABAK
COVID-19**



**BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2020**

ISI KANDUNGAN

1. Pengenalan	3
2. Tujuan	3
3. Skop	3
4. Akta Yang Berkaitan	4
5. Langkah Penjagaan Am	4
– Persediaan Premis Sebelum Menyediakan Perkhidmatan PT&K Kepada Pelanggan	4
– Persediaan Kakitangan Premis Sebelum Menyediakan Perkhidmatan PT&K Kepada Pelanggan	6
– Penetapan Temujanji dan Persediaan Pelanggan Sebelum Perkhidmatan PT&K Disediakan	7
– Semasa Menyediakan Perkhidmatan PT&K Kepada Pelanggan	8
– Selepas Perkhidmatan PT&K Diberikan Kepada Pelanggan	10
6. Langkah Pencegahan Tambahan Mengikut Bidang Amalan PT&K Yang Diiktiraf	12
– Perubatan Tradisional Melayu (PTM)	12
– Perubatan Tradisional India (PTI)	13
– Perubatan Tradisional Cina (PTC)	14
– Amalan Pengubatan Islam	16
– Osteopati dan Kiropraktik	18
– Homeopati	19
7. Lampiran 1 : Amalan Baik Pencucian Tangan	20

1. PENGENALAN

COVID-19 [juga dikenali sebagai Novel coronavirus (nCoV) 2019] merupakan strain baru daripada keluarga coronavirus yang tidak pernah dikenal pasti dalam manusia sebelum ini. Coronavirus adalah keluarga virus yang besar yang boleh menyebabkan gejala seperti demam, batuk dan selsema serta penyakit yang lebih serius seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS).

2. TUJUAN

Tujuan dokumen ini adalah untuk memberikan panduan berkenaan pengendalian perkhidmatan PT&K bagi sektor swasta dalam pencegahan penularan wabak COVID-19. Perkara ini bertujuan untuk memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dibendung dengan mengamalkan perjarakan sosial (*social distancing*), pergerakan yang dihadkan dan mengurangkan interaksi di antara individu yang terlibat.

Semua pengusaha premis PT&K, pengamal PT&K atau orang awam yang ingin menyediakan atau menerima perkhidmatan PT&K adalah dinasihatkan untuk mengikuti langkah-langkah pencegahan seperti mana yang disarankan dalam garis panduan ini, termasuk sebelum, semasa, dan selepas memberi atau menerima perkhidmatan PT&K.

Sumber maklumat dan fakta yang terkandung di dalam garis panduan ini diperolehi daripada portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan *World Health Organization* (WHO) dan tertakluk kepada perubahan mengikuti situasi semasa. Garis panduan ini adalah terpakai sehingga dimaklumkan sebaliknya.

3. SKOP

- Dokumen ini terpakai kepada premis swasta yang menawarkan perkhidmatan PT&K dan kepada pengamal, kakitangan dan pelanggan yang terbabit.

4. AKTA YANG BERKAITAN

3.1 Akta Pencegahan dan Pengamalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]

3.2 Akta PT&K 2016 [Akta 775]

5. LANGKAH PENJAGAAN AM

PERSEDIAAN PREMIS SEBELUM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PT&K KEPADA PELANGGAN

Pengusaha premis/ pengamal perlu:

- a) melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas ke atas kakitangan premis dan pengunjung setiap hari.
- b) menghadkan bilangan pintu masuk ke premis supaya pergerakan keluar masuk pelanggan dapat dikawal.
- c) menyediakan tempat mencuci tangan dan sabun atau *hand sanitizer* bagi kegunaan pengamal/ kakitangan dan pelanggan yang datang ke premis. *Hand sanitizer* perlu disediakan di pintu masuk/ kaunter/ ruang menunggu bagi kegunaan pelanggan.
- d) memastikan premis sentiasa bersih, melakukan nyahkuman (disinfectant) sebelum premis dibuka setiap hari mengikut Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam yang diterbitkan oleh KKM. (<http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>)
- e) memastikan pelanggan yang mempunyai gejala COVID-19 di bawah kategori *Person Under Investigation* (PUI); *Person Under Surveillance* (PUS) atau *Home Surveillance Order* (HSO) tidak dibenarkan masuk ke premis. Pelanggan yang demam atau bergejala perlu dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan iaitu hospital atau klinik.

- f) memastikan proses pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali sehari.
- g) menjarakkan kedudukan/kerusi di ruang menunggu bagi mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain (contohnya melabel kerusi yang tidak boleh diduduki kerana jarak yang kurang dari 1 meter).
- h) memastikan ruang premis hendaklah sentiasa bersih dan mempunyai pengudaraan (ventilation) yang baik khususnya tempat yang kerap digunakan termasuk tandas.
- i) memastikan satu bilik konsultasi sewajarnya hanya menerima satu pelanggan pada satu masa.
- j) memastikan tiada perkumpulan di ruang guna sama seperti di pantri dan di surau dan pastikan jarak selamat pada setiap masa.
- k) menyediakan tempat pembuangan sisa klinikal yang sempurna sekiranya perkhidmatan yang diberikan mempunyai kontak fizikal dengan pelanggan. Pastikan peralatan pakai buang (*disposable item*) yang telah digunakan dilupus dengan betul dan tidak dibenarkan untuk digunakan kepada pelanggan lain.
- l) menyimpan rekod pelanggan yang menerima perkhidmatan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan setelah perkhidmatan diberikan.
- m) menyediakan dan mempamerkan tatacara '*Do's and Dont's*' (aktiviti dibolehkan atau dilarang) di kawasan strategik premis untuk panduan pelanggan dan kakitangan premis mengenai langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.
- n) memastikan penganjuran aktiviti berunsur kerja amal (*charity*) untuk penawaran perkhidmatan PT&K tidak dibuat kerana aktiviti tersebut adalah tidak digalakkan. Ini adalah untuk mengelakkan kesesakan (*overcrowding*) dan mematuhi penjarakan sosial (*social distancing*).

- o) memuat turun dan mendaftar premis di bawah aplikasi MySejahtera. Pelanggan adalah digalakkan untuk mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.
- p) memastikan premis ditutup sementara dan menjalankan proses disinfeksi sekiranya didapati pernah memberikan perkhidmatan kepada pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19.

PERSEDIAAN KAKITANGAN PREMIS SEBELUM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PT&K KEPADA PELANGGAN

Pengusaha premis perlu memastikan:

- a) semua kakitangan premis adalah bebas daripada COVID-19. Kakitangan di bawah kategori PUI, PUS dan HSO tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan seperti yang ditetapkan oleh KKM.
- b) status kesihatan warga kerja perlu dipantau setiap kali masuk bertugas.
- c) pemantauan suhu badan kakitangan premis perlu dilaksanakan setiap hari sebelum mula beroperasi serta kepada semua pelanggan (termasuk pengiring) yang hadir ke premis.
- d) warga kerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C atau bergejala tidak dibenarkan bekerja dan dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan iaitu hospital atau klinik.
- e) semua kakitangan premis harus memakai penutup hidung dan mulut (*3 ply surgical mask*) dengan betul sepanjang waktu bertugas.
- f) semua kakitangan perlu sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan kebersihan tangan yang kerap dengan air dan sabun atau *hand sanitiser*.

- g) setiap kakitangan warga asing mematuhi sebarang arahan terkini oleh Kerajaan bagi keperluan ujian COVID - 19 dari semasa ke semasa.

PENETAPAN TEMUJANJI DAN PERSEDIAAN PELANGGAN SEBELUM PERKHIDMATAN PT&K DISEDIAKAN

1. Pengusaha premis perlu memastikan:

- a) bilangan pelanggan yang akan hadir temujanji dihadkan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan kesesuaian serta kapasiti premis.
- b) perkhidmatan hanya boleh diberikan kepada pelanggan yang telah membuat temujanji secara online (melalui telefon atau email) sahaja bagi mengelakkan kesesakan di dalam premis.
- c) temujanji hendaklah dilakukan secara berperingkat dan tiada pertindihan temujanji.
- d) temujanji pelanggan harus diaturkan mengikut slot masa untuk mengelakkan masa menunggu yang panjang dan pengumpulan pelanggan yang ramai di premis dalam satu masa.
- e) saringan dibuat bagi mendapatkan maklumat kesihatan pelanggan yang akan menerima perkhidmatan atau sebelum perkhidmatan diberikan kepada pelanggan. Saringan boleh dilakukan sama ada melalui telefon, maklumbalas secara atas talian, atau semasa pendaftaran di premis. Maklumat yang perlu ditanya kepada pelanggan termasuk:
 - Gejala-gejala COVID-19 seperti demam, batuk, selesema atau sesak nafas;
 - Sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari yang lepas;
 - Mengenalpasti sama ada pelanggan mempunyai kontak rapat dengan kes yang disahkan COVID-19;
 - Sejarah menyertai acara-acara keramaian/ perhimpunan yang dikaitkan dengan kes penularan COVID-19;

- Mengenalpasti sama ada pelanggan diletakkan di bawah *home surveillance*; dan
- Sekiranya pelanggan pernah disahkan positif COVID-19, pelanggan perlu menyatakan tempoh jangkitan dan bukti penyembuhan.

Satu senarai semak (*checklist*) boleh diwujudkan untuk senarai maklumat di atas bagi melancarkan proses saringan.

2. Semasa pelanggan hadir ke premis, sekiranya pelanggan mempunyai salah satu kriteria di atas, temujanji perlu dibatalkan dan ditunda sekurang-kurang 2 minggu dari tarikh asal.
3. Pelanggan digalakkan untuk mandi sebelum sesi perkhidmatan di fasiliti yang menyediakan kemudahan tersebut.
4. Pelanggan harus dimaklumkan bahawa pengiring adalah tidak digalakkan melainkan terdapat keperluan (misalnya perkhidmatan kepada kanak-kanak, atau melibatkan jantina yang berbeza, antara pengamal dan pelanggan) dan hanya seorang pengiring sahaja yang dibenarkan.

SEMASA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PT&K KEPADA PELANGGAN

1. Penjagaan Semasa Perkhidmatan –Tanggungjawab Pengamal

- a) Pengamal wajib mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* sebelum menjalankan pemeriksaan atau memulakan perkhidmatan kepada pelanggan (sila rujuk teknik pencucian tangan di Lampiran 1).
- b) Pengamal wajib memakai penutup hidung dan mulut (*3 ply surgical mask*), *disposable gown* dan sarung tangan sepanjang memberikan perkhidmatan PT&K.
- c) Pengamal perlu memastikan jarak di antara pengamal dan pelanggan dikekalkan sekurang-kurangnya 1 meter semasa memberi konsultasi.

- d) Pengamal seboleh-bolehnya perlu mengelak kontak fizikal dengan pelanggan semasa memberikan perkhidmatan melainkan kontak fizikal tersebut merupakan sebahagian daripada cara perkhidmatan.
- e) Pengiring tidak digalakkan semasa perkhidmatan diberikan melainkan perkhidmatan yang melibatkan kanak-kanak, warga emas atau melibatkan jantina yang berbeza (antara pengamal dan pelanggan).
- f) Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cairan tubuh (contohnya kahak, hingus, lender, darah dan muntah) adalah tidak dibenarkan.

2. Penjagaan Semasa Perkhidmatan - Tanggungjawab Pelanggan

- a) Pelanggan perlu memastikan kebersihan diri dan wajib memakai penutup hidung dan mulut (*3 ply surgical mask*) semasa perkhidmatan diberikan.
- b) Pelanggan perlu memastikan tangan dicuci dengan air dan sabun atau menggunakan hand sanitizer sejeurus sebelum perkhidmatan dijalankan.
- c) Pelanggan perlu mengamalkan etika batuk/bersin yang baik iaitu:
 - Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.
 - Sentiasa jaga jarak melebihi 1 meter apabila bersin atau batuk kerana percikan pertikel/ titisan boleh tersebar sejauh 1 meter.
 - Cuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* selepas batuk atau bersin.

SELEPAS PERKHIDMATAN PT&K DIBERIKAN KEPADA PELANGGAN

1. Pencucian Tangan Selepas perkhidmatan PT&K Diberikan

Pencucian tangan harus dilakukan dengan menggunakan sabun atau cecair antiseptik atau *alcohol-based handrub* selepas perkhidmatan diberikan mengikut teknik pencucian tangan 7 Langkah yang ditetapkan.

2. Kebersihan Peralatan yang Digunakan

- a) Semua peralatan guna semula yang telah digunakan hendaklah dibersihkan dan diinfeksi sewajarnya.
- b) Alas pakai buang atau *linen* seperti cadar, sarung bantal, tuala dan kain perlu ditukar selepas setiap sesi perkhidmatan. Cadar yang telah dipakai harus diuruskan mengikut pengendalian linen kotor atau tercemar yang telah ditetapkan.

3. Pengurusan Peralatan Tajam dan Sisa Klinikal yang Betul

a) Pengasingan sisa:

- Sisa hendaklah diasingkan daripada punca penghasilannya dan dimasukkan ke dalam beg-beg mengikut warna sebelum pengutipan dan proses pelupusan.
- Sisa klinikal hendaklah diasingkan dan dibuang ke dalam beg plastik berwarna kuning.
- Sisa awam hendaklah diasing dan dibuang ke dalam beg plastik berwarna hitam sebelum dikutip untuk dilupuskan.
- Semua alatan tajam perlu dikumpulkan dalam bekas tahan tembus (*sharp bin*) dan kemudiannya dimasukkan ke dalam beg plastik kuning sebelum dilupuskan.
- Alatan perlindungan diri (PPE) pakai buang perlu dibuang ke tong sampah bertutup. Masukkan kot makmal yang dipakai dan PPE kitar semula ke dalam beg bertutup untuk dicuci.

b) Pengendalian sisa:

- Semua sisa hendaklah dikendalikan dengan betul mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesan negatif dan bahaya kepada individu, masyarakat dan alam sekitar.

- Sisa yang dibuang dalam beg plastik kuning dan bekas berdingding tegar, tahan tembus bertutup (*sharp bin*) akan dikutip oleh kakitangan daripada syarikat-syarikat pelupusan yang dilesenkan atau diiktirafkan oleh kerajaan untuk pelupusan.
- Sisa yang dikumpul dalam beg plastik berwarna hitam perlu dikutip dan dikumpul oleh kakitangan syarikat pembersihan untuk dibawa ke tempat pengumpulan sampah.
- Pengurusan sisa klinikal (linen yang telah dicemari cairan tubuh, bebola kapas dan sebagainya) hendaklah mematuhi garis panduan pengurusan sisa klinikal (*Garis Panduan Mengurus Sisa Klinikal di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, 2009*).

4. Kebersihan Diri

Semua kakitangan premis perlu mandi dan tukar baju sejeurus tiba di rumah.

LANGKAH PENCEGAHAN TAMBAHAN MENGIKUT BIDANG AMALAN PT&K YANG DIIKTIRAF

PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU (PTM)

Sejak berabad lalu, PTM memainkan peranan yang penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan khususnya kepada masyarakat Melayu dan Malaysia secara amnya. Selaras dengan perkembangan sistem perubatan semasa di Malaysia, PTM telah mengambil peranan yang lebih aktif sebagai rawatan pelengkap kepada rawatan moden dengan mengambil prinsip perubatan yang lebih holistik. Ini secara tidak langsung merupakan suatu ciri yang unik kepada Negara kita di mana PTM adalah satu-satunya amalan perubatan yang berasal dan berakar umbi di Malaysia.

Secara dasarnya, PTM di Malaysia terdiri daripada 4 amalan utama iaitu perubatan herba Melayu, penjagaan ibu selepas bersalin, bekam dan urutan Melayu. Dengan mengambil kira status jangkitan wabak COVID-19 sekarang ini, adalah amat penting untuk pengamal dan pelanggan mematuhi segala keperluan seperti yang telah

digariskan dalam SOP yang telah disediakan kerajaan. Berikut adalah beberapa SOP yang lebih spesifik bagi bidang amalan PTM:

1. Urut Melayu / Penjagaan Ibu Selepas Bersalin

- a) Menjalankan sanitasi tempat perkhidmatan (katil/pangkin) selepas berakhir sesi perkhidmatan.
- b) Minyak urut yang digunakan adalah khusus untuk seorang pelanggan dan tidak boleh dikongsi.
- c) Elakkan urutan di bahagian muka pelanggan bagi mengurangkan risiko menyentuh cairan tubuh.
- d) Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- e) Penggunaan sarung tangan adalah diwajibkan untuk perkhidmatan urutan. Sarung tangan pakai buang digunakan untuk sesi urutan seorang pelanggan sahaja dan perlu dibuang selepas digunakan.
- f) Pastikan peralatan yang digunakan seperti tungku, periuk/kerusi bertangas disanitasi selepas digunakan.

2. Bekam

- a) Peralatan bekam hendaklah dibersihkan dan disinfeksi sewajarnya sebelum dan selepas digunakan pelanggan.
- b) Cawan bekam yang digunakan adalah khusus untuk seorang pelanggan dan tidak boleh dikongsi.
- c) Peralatan pakai buang adalah amat digalakkan.
- d) Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- e) Amalkan kebersihan tangan sebelum dan selepas menyentuh pelanggan atau menyentuh kawasan persekitaran.
- f) Pengamal tidak dibenarkan memberi perkhidmatan kepada lebih daripada seorang pelanggan dalam satu masa.
- g) Bekam basah atau bekam darah adalah tidak dibenarkan.

PERUBATAN TRADISIONAL INDIA (PTI)

PTI menggunakan pendekatan secara menyeluruh berkenaan kehidupan dengan menggunakan sumber alam semulajadi dalam pemulihan dan rawatan. Di Malaysia, antara modaliti PTI yang biasa diamalkan adalah rawatan Shirodhara, terapi Basti

Luaran (*External Basti Therapy*) dan terapi Varmam. Selain langkah penjagaan am yang disarankan dalam garis panduan ini, pertimbangan penting harus diberikan kepada langkah-langkah penjagaan berikut :

- a) Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- b) Pengamal adalah diwajibkan memakai sarung tangan semasa memberikan perkhidmatan. Sarung tangan pakai buang digunakan untuk sesi urutan seorang pelanggan sahaja dan perlu dibuang selepas digunakan.
- c) Semua bahan pakai buang (*glove, gown, face mask*) perlu dibuang dalam bakul sampah tertutup.
- d) Pengamal disarankan untuk meminimalkan sentuhan di bahagian muka pelanggan bagi mengurangkan risiko terkena cecair tubuh.
- e) Sebelum dan selepas sesi perkhidmatan untuk setiap pelanggan, tempat perkhidmatan termasuk *treatment bed, shower facilities* dan segala peralatan yang digunapakai semasa pemberian perkhidmatan perlu dibersihkan dan disinfeksi mengikut prosedur yang sewajarnya.
- f) Pengamal hanya dibenarkan untuk memulakan sesi perkhidmatan yang baharu selepas selesai melakukan pembersihan dan disinfeksi tempat dan peralatan perkhidmatan.
- g) Sekiranya terdapat lebih daripada satu katil dalam bilik perkhidmatan, jarak antara satu katil dengan katil yang lain digalakkan sekurang-kurangnya 2 meter.
- h) Minyak khas yang akan diguna semula untuk satu pelanggan perlu disimpan di dalam bekas berlabel dan ditempatkan di tempat penyimpanan khusus. Permukaan bekas perlu dibersihkan dan disinfeksi sebelum digunakan atau sebelum disimpan.
- i) Sekiranya terdapat pelanggan yang telah mendapat perkhidmatan dan didapati positif jangkitan COVID-19, minyak tersebut perlu dibuang ke dalam bekas sisa klinikal (*clinical waste*) serta merta.
- j) Tepung gram yang digunakan dalam terapi Basti Luaran perlu dibuang ke dalam bekas sisa klinikal selepas selesai sesi perkhidmatan.

PERUBATAN TRADISIONAL CINA (PTC)

Kaedah PTC mempunyai sistemnya yang tersendiri. Ilmu yang berasal dari negara China dan telah diamalkan selama beribu tahun ini bukan sahaja masih mempunyai tempat di zaman yang serba moden ini, bahkan semakin diterima oleh masyarakat di negara lain. Sehubungan itu, SOP bagi amalan PTC dalam pencegahan penularan wabak COVID-19 telah dibangunkan sebagai rujukan kepada pengamal PT&K atau pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan.

1. Akupunktur

- a) Bagi perkhidmatan yang melibatkan sentuhan seperti ketika hendak memasukkan dan mencabut keluar jarum di tubuh pelanggan, pengamal diwajibkan memakai sarung tangan dan sarung tangan perlu ditukar bagi setiap pelanggan.
- b) Pengamal hendaklah sentiasa membasuh tangan terutamanya sebelum dan selepas menyentuh pelanggan, menyentuh kawasan persekitaran dan jika terdedah kepada cairan tubuh pelanggan.
- c) Peralatan-peralatan guna semula seperti penyepit, tuala dan sebagainya hendaklah hendaklah dibersihkan dan disinfeksi sewajarnya sebelum dan selepas digunakan pelanggan.
- d) Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- e) Digalakkan untuk meminimalkan komunikasi lisan dan sentuhan dalam perkhidmatan yang diberikan.

2. Bekam

- a) Peralatan bekam hendaklah dibersihkan dan disinfeksi sewajarnya sebelum dan selepas digunakan pelanggan.
- b) Cawan bekam yang digunakan adalah khusus untuk seorang pelanggan dan tidak boleh dikongsi. Peralatan pakai buang adalah amat digalakkan.
- c) Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- d) Amalkan kebersihan tangan sebelum dan selepas menyentuh pelanggan atau menyentuh kawasan persekitaran.

- e) Pengamal diwajibkan memakai sarung tangan semasa memberikan perkhidmatan. Sarung tangan pakai buang digunakan untuk sesi urutan seorang pelanggan sahaja dan perlu dibuang selepas digunakan.
- f) Pengamal tidak dibenarkan memberi perkhidmatan kepada lebih daripada seorang pelanggan dalam satu masa.
- g) Bekam basah atau bekam darah adalah tidak dibenarkan.

3. Tuina

- a) Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- b) Pelanggan disarankan membawa pakaian lebih dan alas sendiri.
- c) Amalkan kebersihan tangan sebelum dan selepas menyentuh pelanggan atau kawasan persekitaran dan jika terdedah kepada cairan tubuh pelanggan.
- d) Mengurangkan aktiviti sentuhan di bahagian muka.
- e) Minyak yang digunakan adalah khusus untuk seorang pelanggan dan tidak boleh dikongsi.

AMALAN PENGUBATAN ISLAM

Kaedah amalan pengubatan Islam merupakan satu cabang usaha seorang pelanggan dalam mencari rawatan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihadapi. Walau bagaimanapun, amalan ini bukanlah bertujuan untuk mengambil alih peranan perubatan moden, tetapi merupakan pelengkap bagi rawatan yang diterima. Amalan ini juga adalah sebagai rawatan untuk meneruskan ikhtiar, sambil berusaha bagi pelanggan yang masih juga belum sembuh setelah berusaha melalui mana-mana kaedah rawatan perubatan. Sehubungan itu, langkah pencegahan tambahan bagi amalan pengubatan Islam adalah seperti berikut:

1. Penyediaan Premis

- a) Sekiranya premis beroperasi di dalam surau/ masjid, Pengurus/ Pengamal perlu patuh kepada arahan pihak pengurusan surau/ masjid/ Jabatan Agama Islam Negeri (tertakluk arahan semasa seperti bilangan maksima Jemaah pada satu-satu masa).
- b) Pengurus/ Pengamal perlu menentukan masa perkhidmatan yang sesuai dan tidak bertembung dengan waktu solat bagi mengelakkan orang ramai

berkumpul untuk solat fardhu secara berjemaah (tertakluk arahan semasa JAKIM/ Jabatan Agama Islam Negeri), contohnya:

- 9.00 pagi – 12.00 tengahari
- 2.00 petang – 4.00 petang
- 5.00 petang – 7.00 petang
- 9.00 malam – 11.00 malam

2. Rawatan Ruqyah Kepada Pelanggan

- a) Pengamal memberikan perkhidmatan dengan hanya membacakan ayat ruqyah yang sesuai dengan penyakit.
- b) Kaedah perkhidmatan diringkaskan sebaik mungkin iaitu:
 - Solat Hajat (mengikut garis panduan JAKIM/ Jabatan Agama Islam Negeri);
 - Bacaan Yasin;
 - Zikir dan Doa; dan
 - Merenjis kawasan yang terlibat sahaja.
- c) Pengamal tidak dibenarkan untuk meniupkan bacaan ruqyah ke arah air, bahan atau pelanggan
- d) Pengamal perlu meminta pelanggan untuk mengaminkan bacaan ruqyah yang dibacakan dan pelanggan sendiri hendaklah meniupkan ke arah air atau bahan masing-masing.
- e) Pengamal perlu meminimakan tempoh perkhidmatan mengikut kesesuaian kes. Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam.
- f) Pengamal boleh membekalkan ayat ruqyah/ doa/ kaunseling/ nasihat yang perlu diamalkan oleh pelanggan.
- g) Pengamal hendaklah mengelakkan sebarang bentuk sentuhan dengan pelanggan termasuk bersalaman kecuali sentuhan yang benar-benar diperlukan seperti rawatan tepuk dan masalah gangguan.

3. Perkhidmatan Yang Melibatkan Sentuhan

- a) Bagi pelanggan yang mengalami masalah gangguan dan memerlukan perkhidmatan yang melibatkan sentuhan seperti tepuk, pengamal hendaklah memastikan bahawa rawatan tepuk dilakukan diatas kain alas yang dibawa oleh pelanggan.
- b) Pelanggan perlu membawa kain alas, bantal dan selimut sendiri. Jika tidak, perkhidmatan terhad kepada bacaan ruqyah sahaja.
- c) Pelanggan juga perlu memakai pakaian yang menutup aurat dan tidak mudah terselak (seperti memakai seluar sukan dan mengenakan inner)
- d) Sekiranya pelanggan mula menampakkan reaksi agresif atau tidak sedarkan diri, pengamal perlu menenangkan pelanggan atau memberi ruang untuk pelanggan berehat.
- e) Sekiranya pelanggan tidak dapat dikawal, pengamal perlu pantas memberi panduan kepada pengiring untuk bantuan yang sewajarnya. Perkhidmatan juga harus segera dihentikan serta merta.

4. Perkhidmatan Kepada Golongan Berisiko Tinggi

Hanya wakil pelanggan sahaja yang dibenarkan datang untuk mendapatkan rawatan air ruqyah bagi kategori pelanggan berisiko tinggi seperti berikut:

- Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun;
- Warga tua berumur lebih 60 tahun; dan
- Pesakit kronik seperti sakit jantung, masalah buah pinggang dan sebagainya.

5. Penggunaan Bahan Dalam Perkhidmatan

Pengamal boleh membekalkan bahan kepada pelanggan sekiranya perlu seperti daun bidara dan sebagainya.

OSTEOPATI DAN KIROPRAKTIK

Antara langkah – langkah pencegahan tambahan yang boleh dilaksanakan untuk bidang amalan kiropraktik dan osteopati adalah seperti berikut:

- Menjalankan sanitasi tempat perkhidmatan (katil/pangkin) selepas berakhir sesi perkhidmatan.

- Pengamal digalakkan memakai *scrub* semasa memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.
- Pengamal disarankan untuk mengganti pakaian/ *scrub* setelah sesi perkhidmatan berakhir.
- Pengamal dimohon untuk tidak memakai aksesori seperti tali leher, jam tangan dan barang kemas.
- Sekiranya pengamal berambut panjang, rambut perlu diikat dengan kemas.
- Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut dengan tangan yang belum dibersihkan.
- Digalakkan untuk meminimalkan komunikasi lisan dan sentuhan dalam perkhidmatan yang diberikan.
- Pengamal tidak dibenarkan memberi perkhidmatan kepada lebih daripada seorang pelanggan dalam satu masa.
- Pengusaha premis boleh mempertimbangkan untuk menyediakan tempat kerja berasingan bagi kakitangan pentadbiran bagi mengelakkan pendedahan yang tidak perlu.
- Pengusaha premis/pengamal boleh mempertimbangkan untuk memberikan perkhidmatan secara *telehealth* bagi pelanggan yang bersesuaian.

HOMEOPATI

Tiada langkah tambahan diperlukan untuk bidang amalan ini. Sila rujuk langkah penjagaan am sebagai panduan dalam pemberian perkhidmatan Homeopati.

 Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
 Kementerian Kesihatan Malaysia
 Aras Bawah, Blok D, Jalan Cenderasari
 50590 Kuala Lumpur
 Tel : +603-2279 8100
 Faks : +603-2691 1259
 E-mel : tcm@moh.gov.my
 Laman web : <http:tcm.moh.gov.my>

AMALAN BAIK PENCUCIAN TANGAN

Pencucian tangan boleh dilakukan dengan menggunakan sabun atau cecair antiseptik atau *alcohol-based handrub/ hand sanitizer*.

Berikut adalah lima amalan kebersihan tangan yang perlu dilaksanakan oleh para pengamal:

- i. Sebelum menyentuh pelanggan
- ii. Selepas menyentuh pelanggan
- iii. Selepas menyentuh kawasan persekitaran pelanggan
- iv. Sebelum melakukan prosedur aseptik
- v. Selepas melakukan prosedur atau terdedah kepada cecair badan pelanggan

Teknik Mencuci Tangan

- i. Basahkan tangan dengan air (tanggalkan semua barangan kemas, jam tangan dan lain-lain perhiasan)
- ii. Meletakkan sabun atau cecair antiseptik atau *handrub* secukupnya.
- iii. Ikuti Teknik Pencucian Tangan 7 Langkah:
- iv. Melepapkan kedua telapak tangan dan gosokkan kedua belah tapak tangan.

- v. Lepak telapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini pada tangan kiri.
- vi. Lepakkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
- vii. Genggam tangan kiri, lekap tangan kanan di belakang tangan kiri dan gosok ke arah bawah dengan meliputi semua bahagian. Ulangi langkah ini pada tangan kanan.
- viii. Gosokkan sekeliling ibu jari kiri dalam genggam telapak tangan kanan dan sebaliknya.
- ix. Kuncupkan jari tangan kanan di atas telapak tangan kiri dan gosok secara berputar ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah pada tangan kiri.
- x. Gosokkan secara putaran di pergelangan tangan kanan dan begitu juga sebaliknya pada tangan kiri. Sekiranya menggunakan sabun atau cecair antiseptik, bilas dengan air dan keringkan dengan tuala atau kertas pakai buang yang bersih.